

GST pulihkan semula penarafan negara

Kaedah telus, cekap kutip cukai bantu tingkat pendapatan kerajaan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Cukai barang dan perkhidmatan (GST) mampu memperbaiki semula penarafan Malaysia ke kedudukan yang lebih baik, didorong pertumbuhan hasil pendapatan kerajaan, menurut pakar ekonomi.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata selain cukai yang dianggap telus dan cekap, GST mampu meningkatkan pendapatan kerajaan sekali gus membolehkan penarafan negara dinaikkan semula.

"Dalam kenyataan Fitch Ratings apabila mereka menurunkan penarafan kredit Kerajaan Malaysia daripada A- kepada

BBB+, ada disebut bahawa kebergantungan kerajaan kepada dividen syarikat berkaitan kerajaan (GLC) semakin meningkat apabila GST dimansuhkan.

"Justeru, jika GST dihidupkan semula, kesan kepada penarafan kredit adalah positif dan peluang untuk dinaik taraf pada masa akan datang adalah cerah," katanya kepada *BH*.

Fitch Ratings awal bulan ini menyemak turun Penarafan Kemungkinan Penerbit (IDR) mata wang asing jangka panjang Malaysia kepada BBB+ daripada A-.

Agensi penarafan antarabangsa itu berkata, penurunan nilai IDR disebabkan krisis COVID-19 yang menjejaskan beberapa kredit metrik utama Malaysia, termasuk langkah kerajaan menangani pandemik dengan bantuan kewangan kepada rakyat dan perniagaan yang meningkatkan bebanan fiskal.

Katanya, metrik hutang kerajaan juga merosot disebabkan wabak berkenaan, sekali gus dijangka melonjak hutang kerajaan kepada 76 peratus daripada Keluaran Dalam Negara kasar (KDNK) 2020 berbanding

65.2 peratus pada 2019.

Mengulas lanjut, Afzanizam berkata, bagi memastikan pelaksanaan GST lancar, kerajaan perlu memastikan komunikasinya kepada rakyat berkenaan cukai itu adalah jelas.

Yang utama, tegasnya, rakyat perlu memahami GST menjadi pilihan kerana bersifat telus dan cekap dari segi kaedahnya mengutip cukai dan bukan untuk menurunkan harga barang.

"Berdasarkan data, kutipan GST pada 2017 adalah RM44.3 bilion yang mana adalah tahun terakhir kerajaan dapat membuat kutipan cukai penuh setahun, manakala kutipan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) pada 2019 pula adalah RM28 bilion, satu jumlah perbezaan yang besar.

"Rakyat Malaysia wajar membuat pertimbangan yang baik dalam menilai sesuatu dasar kerajaan, manakala di pihak kerajaan pula perlu menyingkirkan defisit kepercayaan sejauh-jauhnya.

"Isu rasuah perlu ditangani secara holistik serta koordinasi yang baik di antara agensi kerajaan perlu diperhebatkan

bagi memastikan segala bentuk bantuan kerajaan sampai kepada pihak yang benar-benar layak.

"Pendek kata, mesti ada keberhasilan yang positif sekiranya GST mahu dilaksanakan dan kesan yang positif itu pula dapat dilihat dengan mata kasar rakyat," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, Dr Yusniyati Yusri turut senada dengan mengatakan pelaksanaan GST yang mampu meningkatkan hasil negara secara tidak langsung boleh membantu meningkatkan semula penarafan negara.

"GST adalah satu sistem percukaian yang baik dan telus dari segi kaedah pelaksanaannya. Malah sistem cukai ini diguna pakai oleh majoriti negara maju di dunia.

"Negara jiran kita juga sudah lama mengguna pakai sistem percukaian ini. Dalam tempoh empat tahun dari 2015 hingga 2018 kerajaan melaksanakan GST, sudah terbukti ia meningkatkan hasil kutipan negara.

"Maka sistem yang baik ini wajar diteruskan," katanya.

Rakyat Malaysia wajar membuat pertimbangan yang baik dalam menilai sesuatu dasar kerajaan, manakala di pihak kerajaan pula perlu menyingkirkan defisit kepercayaan sejauh-jauhnya.

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi
Bank Islam Malaysia Bhd

